

Dakwa wujud konspirasi gagalkan permohonan kenaikan pangkat di UUM

Pensyarah saman Naib Canselor

KOSMO 12/4/2010 5:1

Oleh AHMAD SYAHIR KASSIM
syahir.kassim@kosmo.com.my

ALOR SETAR - Seorang pensyarah Universiti Utara Malaysia (UUM) menfaikan saman terhadap Naib Canselor UUM, Tan Sri Dr. Nordin Kardi kerana didakwa melakukan konspirasi terhadap beliau sehingga menyebabkan dia gagal dinaikkan pangkat.

Plaintif, Dr. Abdul Halim Mohamed, 42, menamakan Nordin selaku defendan pertama dan UUM sebagai defendan kedua.

Saman itu difailkan melalui Tetuan Khairil & Co. di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Alor Setar di sini pada pukul 11 pagi semalam.

Peguam plaintif, Fadli Shuaib berkata, pada tahun 2007 plaintif yang ketika itu merupakan pensyarah di Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan mengemukakan permohonan kepada Majlis Eksekutif Universiti (MEU) untuk mendapatkan kenaikan pangkat ke jawatan pensyarah kanan (DS52).

"Permohonan tersebut telah diakui oleh MEU dan majlis itu bersetuju untuk kenaikan pangkat plaintif ke jawatan pensyarah kanan.

"Namun, ia juga tertakluk kepada Lulus Dalam Kriteria Kecemerlangan Akademik dan Lulus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) me-



NORDIN

nerusi sepucuk surat bertarikh 22 Februari 2007," kata Abdul Halim kepada pemberita di sini semalam.

Bagaimanapun, Fadli memberitahu, permohonan untuk kenaikan pangkat itu tidak berjaya berdasarkan mesyuarat MEU pada 30 November 2008 dan plaintif dimaklumkan mengenai perkara itu melalui sepucuk surat pada 8 Januari 2009.

Bagaimanapun, kata beliau, dengan surat tersebut tidak dijelaskan alasan permohonan plaintif ditolak oleh MEU, walaupun bagi plaintif dia telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

"Selepas diselidik dengan pengurusan UUM, plaintif dimaklumkan bahawa kenaikan pangkatnya ditolak kerana defendan pertama iaitu Nordin tidak menyukai tingkah laku plaintif.

"Peranan yang dimainkan oleh defendan pertama selaku Naib Canselor UUM telah menyebabkan plaintif dinafikan hak untuk kenaikan pangkat," kata beliau.

Fadli memberitahu, pihak pengurusan defendan kedua turut didakwa mengurangkan bayaran elaun luar negara terhadap plaintif ketika menyambung pengajian di sebuah universiti di United Kingdom pada tahun 2002 hingga 2006.

Katanya, plaintif terpaksa menanggung hutang yang banyak dengan bank bagi memampung perbelanjaan bersama keluarga ketika di England.

"Pada tahun pertama, plaintif dibiayai UUM sepenuhnya dengan pemberian elaun RM4,200 sebulan (635 pound sterling) sebulan.

"Namun pada tahun kedua dan berikutnya, plaintif dinafikan hak dan hanya diberi RM500 sebulan (70 pound)," kata beliau.

Justeru, katanya, plaintif memohon mahkamah agar mengisytiharkan satu deklarasi bahawa plaintif telah memegang jawatan sebagai pensyarah kanan sejak Februari 2007.

Plaintif juga meminta defendan kedua supaya membayar tunggakan gaji dan lain-lain bayaran yang berkaitan kepada plaintif mulai Februari 2007 sehingga sekarang mengikut gaji kepada skala pensyarah kanan (DS52).

Plaintif juga menuntut ganti rugi teladan sebanyak RM500,000 daripada defendan pertama dan pembayaran RM200,000 sebagai kos pengajian yang ditanggung plaintif sendiri sepanjang dia belajar di UK.

Plaintif turut menuntut defendan pertama membayar ganti rugi tekanan yang didahapinya bermula pada tahun 2006 hingga 2010 berserta faedah sebanyak 8 peratus setahun sehingga penyelesaian penuh.



ABDUL HALIM menunjukkan surat saman yang difailkan di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Alor Setar semalam.